



Berniaga mematuhi syarat akan **memberi keuntungan di akhirat** kelak.

[GAMBAR HIASAN]

# Untung berniaga bukan jaminan mewah di akhirat

## Niat betul jadikan urusan jual beli ibadah mendapat reda Allah

**H**ari ini, ramai yang mencari rezeki dengan menceburi bidang perniagaan. Ia bukan saja antara sumber pendapatan halal dan sunnah, tetapi juga antara punca kekayaan utama. Aliran semasa yang mempelbagaikan strategi jualan dan produk bertujuan untuk memikat hati pelanggan.

Malah, pemilik perniagaan tidak ralat untuk melaburkan sejumlah besar wang membayar duta produk

demii melariskan jualan. Ia tidak salah, selagi tidak membawa kepada penipuan. Cuma, adalah malang jika dunia perniagaan mengurangkan perhatian seseorang kepada urusan akhirat.

### Untung perniagaan tiada kaitan mewah di akhirat

Ada kala keuntungan dalam perniagaan akan melalaikan, menjadikan kita terasa akan untung dalam semua perkara, termasuklah untung akhirat. Sedangkan untung dalam perniagaan

tiada kaitannya dengan kemewahan di akhirat melainkan kita mematuhi beberapa syarat.

Pertama ialah niat sebelum memulakan perniagaan. Niat yang betul akan menjamin perniagaan yang berkat. Justeru, paling utama dalam urusan ini ialah berniat untuk mendapat keridaan Allah SWT. Jika niat memulakan perniagaan tidak bercampur dengan kemaksiatan, Allah SWT akan memudahkan urusan seterusnya.

Cara mencari pelanggan juga mesti diteliti, jangan sehingga berlaku paksaan atau meletakkan pelanggan dalam keadaan keliru yang akhirnya terpaksa membuat keputusan untuk membeli sedangkan dalam keadaan rasional mereka tidak akan membelinya.

Beza antara orang yang menjalankan perniagaan untuk mendapat reda Allah SWT ialah keuntungannya. Berbekalkan niat yang betul, mereka bukan saja untung dalam perniagaan juga untung atas perbuatannya kerana amalnya menjadi ibadah dan ganjarannya dibayar di akhirat.

Jika bukan untuk mendapat reda Allah SWT, mereka hanya akan mendapat untung di dunia. Jika niat betul tetapi perniagaan rugi, hakikatnya mereka tetap untung, cuma ganjarannya diterima di akhirat. Andai niat tidak baik, mereka rugi di dunia, muflis juga di akhirat.

Hidup bermasyarakat, kewajipan menunaikan fardu kifayah wajib ditekuni. Justeru, mereka yang menjalankan perniagaan perlu berniat untuk melakukan kewajipan fardu kifayah. Inilah yang dikatakan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat.

Perniagaan yang dilakukan tidak menjadikan seseorang itu lalai daripada urusan akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan solat serta memberi zakat."* (Surah an-Nur, ayat 37)

Mereka yang menjalankan perniagaan dan mengharap keridaan Allah SWT akan meninggalkan urusannya kepada pembantu yang bukan beragama Islam atau kanak-kanak sebaik saja kedengaran azan atau masuknya waktu untuk bersolat.

Mereka tidak akan berkompromi dengan ibadah wajib, malah tidak akan

menjadikan perniagaannya sebagai alasan untuk melengah-lengahkan urusan ibadah.

Peniaga juga tidak boleh bersikap terlalu tamak sehingga sanggup menipu pelanggan dengan pelbagai fakta yang tidak tepat semata-mata untuk melariskan jualan. Arus baru, perniagaan bukan dilakukan secara manual tetapi juga melalui internet menggunakan pelbagai saluran alam maya.

### Rezeki halal diragui

Justeru, banyak maklumat mengenai promosi produk atau perkhidmatan perniagaan berjaya dihebahkan dan tersebar kepada khalayak dalam masa singkat. Jika maklumat diberikan tidak tepat, unsur pembohongan turut tersebar dan menjadikan rezeki halal dari perniagaan itu diragui.

Mutakhir ini, iklan promosi melampau dengan tipu daya seperti testimoni yang jelas menipu, gambar kononnya bukti keberkesanan produk, bahasa iklan untuk menarik pembeli yang berbau lucah dan tidak beradab diterbitkan secara berleluasa.

Ia seolah-olah satu kebiasaan dan tidak perlu dibendung kerana masyarakat sudah menerimanya dengan hati terbuka. Tetapi, perlu diingatkan, ia bukan mengenai bakal pembeli yang ditipu, tetapi soal kehalalan rezeki sesiapa saja terbabit dalam perniagaan berbentuk penipuan.

Bukan sekadar mengelak yang haram, setiap peniaga harus mengelak perkara syubuh atau diragui. Oleh itu, apabila wujud keraguan, hendaklah dielakkan. Apabila ada mengemukakan perniagaan mempunyai unsur penipuan, hendaklah menolaknya.

Apabila pembeli ingin membatalkan pembelian, ia tidak diterima oleh penjual sedangkan terdapat undang-undang yang membenarkan pembatalan jual beli.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Hakim, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa yang menerima pembatalan daripada seseorang yang berasa menyesal dari jual belinya, maka Allah akan menyelamatkannya daripada tergelincir pada hari kiamat."*

Justeru, harus diingat bahawa perniagaan bukan urusan dunia semata, ia lebih dari itu. Ia juga urusan akhirat yang mampu menjadikan sesiapa saja lumbayan di alam sana, jika mendapat reda Allah SWT.



**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia